BASI CONTROLS (M) SDN BHD

lwn.

NIREX ENGINEERING & AUTOMATION (M) SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ZALEHA YUSOF PK
[GUAMAN SIVIL NO: MT2-22-2146-2007]
26 MEI 2009

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Peguamcara dan lien - Autoriti untuk memfailkan tindakan guaman - Situasi syarikat tidak mematuhi peruntukan undang-undang - Syarikat plaintif tiada kuorom dan tidak ditubuh dengan sempurna - Sama ada plaintif dan peguamnya gagal mengemukakan autoriti*

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Kos - Bayaran - Sama ada kos tindakan dibayar oleh peguamcara - Sama ada perbuatan peguamcara bertentangan k. 15 Legal Profesion (Practise and Etiquette) Rules 1978 - Sama ada plaintif gagal melaksanakan tanggungjawabnya*

PROSEDUR SIVIL: *Saman dalam kamar - Pemfailan - Sama ada teratur - Sama ada plaintif sepatutnya memfailkan rayuan - Mahkamah functus officio*

PROSEDUR SIVIL: *Notis pemberhentian - Pemfailan tanpa kebenaran mahkamah - Sama ada satu penyalahgunaan proses - Paul Raj Samy Raj v. Annamalar Anthonysamy*

Plaintif telah memfailkan saman dalam kamar (SDK) kandungan (21) untuk mengenepikan perintah yang tertarikh 9 Disember 2008 di mana mahkmah telah membenarkan bantahan awal defendan bahawa peguamcara K Mano & Associates tidak mempunyai autoriti untuk memfailkan tindakan dalam guaman ini bagi pihak plaintif. Isu-isu yang timbul adalah (1) sama ada syarikat tidak tertubuh dengan sempurna untuk memberikan autoriti kepada peguamnya; (2) sama ada pemfailan permohonan SDK oleh plaintif adalah tidak teratur; (3) sama ada satu penyalahgunaan proses mahkamah telah berlaku dan (4) sama ada plaintif telah salah melaksanakan tanggungjawab yang sepatutnya.

Diputuskan (menolak saman dalam kamar dengan kos):

(1) Salah seorang pengarah telah pun dijatuhkan bankrap dan dua pengarah yang lain telah pun meletakkan jawatan sebagai pengarah-pengarah Basi Controls (syarikat plaintif). Tiada pula keterangan yang adanya pengarah-pengarah lain yang dilantik,

maka amatlah nyata hanya tinggal seorang sahaja pengarah iaitu Thavaratnaraja T Subramaniam. Berdasarkan kepada peruntukan s. 122(1) ini, adalah jelas bahawa sebenarnya tiada kuorum di dalam plaintif. Syarikat plaintif sudah tidak tertubuh dengan betul sejak sekian lama dan ini adalah dalam pengetahuan peguamnya Tetuan K Mano & Associates. Plaintif mahupun peguamnya Tetuan K & Associates sendiri telah gagal mengemukakan autoriti dalam memfailkan tindakan ini bagi pihak Basi Controls memandangkan keadaan syarikat tersebut tidak teratur. Sebagai peguam beliau sepatutnya peka dengan situasi syarikat itu yang sudah tidak mematuhi peruntukan undang-undang yang berkaitan. (perenggan 13, 16 & 20)

(2) Plaintif sepatutnya memfailkan rayuan memandangkan bahawa mahkamah telah membuat keputusan selepas selesai mendengar hujahan peguamcara defendan. Oleh itu mahkamah telah pun *functus officio*. Sesungguhnya peguamcara plaintif telah pun diberi peluang oleh mahkamah untuk menjawab hujahan peguamcara defendan pada 9 Disember 2008 tetapi telah gagal untuk berbuat demikian. Walaupun kegagalan peguamcara plaintif bukanlah kesilapan plaintif, namun ia tidak boleh dijadikan alasan untuk membenarkan permohonan ini. Oleh itu, pemfailan permohonan SDK oleh plaintif ini adalah tidak teratur. (perenggan 21 & 23)

(3) Peguamcara plaintif telah memfailkan notis pemberhentian tanpa kebenaran mahkamah/peguamcara defendan dan tiada sebarang penerangan diberikan berkenaan fakta ini. Beliau pula gagal menghadirkan diri pada tarikh bicara 9 Disember 2008 tanpa sebarang alasan ketika itu. Pihak plaintif tidak boleh memfailkan prosiding dan menariknya balik sesuka hatinya. Tindakan sedemikian hanyalah akan merupakan satu penyalahgunaan kepada proses mahkamah *(Paul Raj Samy Raj v. Annamalar Anthonysamy.)* (perenggan 24 & 26)

(4) Mahkamah telah memutuskan bahawa kos tindakan ini dibayar oleh Tetuan K Mano & Associates. Perbuatan yang ditunjukkan oleh peguamcara plaintif adalah satu sikap yang paling tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati mahkamah. Ia bertentangan dengan Kaedah 15 Legal Profession (Practise and Etiquette) Rules 1978 yang menghendaki seorang peguambela dan peguamcara supaya "maintain a respectful attitude towards the court." Perintah mahkamah tentang kos ini adalah tidak salah. Plaintif telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya yang sepatutnya. (perenggan 30)

Kes-kes yang dirujuk:
Chua Cheng Wan v. Chua Thiam Siew & Ors [2000] 1 CLJ 433 HC ***(dirujuk)***
Mohd Yusof Awang & Anor v. Malayan Banking Bhd & Anor [1995] 1 LNS 296 HC ***(dirujuk)***
Multiview Enterprise Sdn Bhd v. Orientus Industry Sdn Bhd [2005] 7 CLJ 17 HC ***(dirujuk)***
Paul Raj Samy Raj v. Annamalar Anthonysamy [2003] 3 CLJ 166 HC ***(dirujuk)***
Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v. Dayadiri Sdn Bhd [1993] 2 CLJ 568 HC ***(dirujuk)***
William Jacks & Co (M) Sdn Bhd v. Chemquip (M) Sdn Bhd & Anor [1991] 1 CLJ 184; [1991] 4 CLJ (Rep) 218 HC ***(dirujuk)***
Yukilon Manufacturing Sdn Bhd & Anor v. Dato' Wong Gek Meng & Ors [1997] 2 CLJ 467 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, s. 38(1)(d)
Companies Act 1965, ss. 122(1), 139(1)
Legal Profession (Practise and Etiquette) Rules 1978, r. 15

Bagi pihak plaintif - T/n K Mano & Assocs
Bagi pihak defendan - Sugandra Rao Naidu; T/n Gan Rao & Chuah
(Menyebut bagi pihak plaintif)

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Zaleha Yusof PK:

Fakta

[1] Ini adalah permohonan pihak plaintif supaya perintah yang dibuat oleh mahkamah pada 9 Disember 2008 diketepikan. Perintah tersebut antara lainnya adalah seperti berikut:

(a) Bantahan awal defendan bahawa peguamcara plaintif T/n K Mano & Associates tidak mempunyai autoriti untuk memfailkan tindakan dalam guaman ini bagi pihak plaintif dibenarkan;

(b) Keseluruhan tindakan dalam guaman ini dibatalkan; dan

(c) Kos tindakan ditanggung oleh peguamcara plaintif T/n K Mano & Associates.

[2] Apa yang berlaku pada tarikh bicara sebelum 9 Disember 2008 itu iaitu pada 5 November 2008 ialah, peguamcara defendan telah membangkitkan bantahan awal mengenai ketiadaan autoriti peguamcara plaintif T/n K Mano & Associates dalam memfailkan tindakan guaman ini bagi pihak plaintif. Setelah mendengar bantahan awal itu, mahkamah telah menetapkan tarikh 9 Disember 2008 untuk peguamcara plaintif menjawab bantahan awal itu.

[3] Selepas itu, peguamcara plaintif telah pada 26 November 2008 (selepas tarikh 5 November 2008 dan sebelum 9 Disember 2008), tanpa kebenaran mahkamah/defendan, memfailkan "notis pemberhentian" dan menyerahkan notis pemberhentian itu kepada peguamcara defendan pada 3 Disember 2008. Pada 9 Disember 2008, peguamcara plaintif telah tidak hadir di perbicaraan yang telah ditetapkan. Selepas mendengar hujahan lisan peguamcara defendan, mahkamah telah memberikan perintah yang disebut di atas tadi.

[4] Melalui surat yang bertarikh 10 Disember 2008, peguamcara defendan telah memaklumkan tentang status tindakan kes ini kepada peguamcara plaintif.

[5] Pada 12 Januari 2009, peguamcara plaintif telah memfailkan Saman Dalam Kamar (SDK) kandungan (21) ini untuk mengenepikan perintah yang bertarikh 9 Disember 2008 itu atas alasan ketidakhadiran peguamcara plaintif pada 9 Disember 2008 itu adalah tidak disengajakan dan melampirkan bersama permohonan itu sijil sakit yang bertarikh 8 Disember 2008 dari sebuah klinik swasta.

Keputusan

[6] Saya telah meneliti kandungan (21) ini dan berdasarkan fakta-fakta yang ada di hadapan saya dengan mengambil kira hujah-hujah kedua-dua pihak, saya memutuskan atas alasan yang akan saya nyatakan di bawah ini, untuk menolak kandungan (21) ini.

Isu Bantahan Awal

[7] Pihak defendan dalam affidavitnya yang terdahulu di kandungan (8) yang juga diguna pakai untuk tujuan perbicaraan pada 5 November 2008 dan 9 Disember 2008 itu telah melampirkan carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkenaan syarikat plaintif iaitu Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd.

[8] Carian itu jelas menunjukkan bahawa Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd mempunyai empat orang pengarah seperti yang berikut:

(i) Ravindranathan T Subramaniam

(ii) Bengt - Olof Crister Sten

(iii) Thavaratnaraja Subramaniam

(iv) Edna Concepcion

[9] Saya dapati, mengikut carian rasmi dari Jabatan Insolvensi Malaysia yang dilampirkan di kandungan (13), daripada empat orang pengarah itu Ravindranathan T Subramaniam telah pun dijatuhkan bankrap oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 24 April 2002.

[10] Menurut s. 125(1) Akta Syarikat 1965 seorang bankrap, dalam kes ini *Ravindranathan T Subramaniam*, hendaklah memperolehi kebenaran mahkamah untuk bertindak sebagai pengarah syarikat bagi Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd. Larangan yang sama juga terdapat dalam s. 38(1)(d) Akta Kebankrapan 1967. Namun saya dapati tiada keterangan yang dikemukakan untuk menunjukkan bahawa kebenaran untuk beliau bertindak sebagai pengarah itu telah diperolehi.

[11] Di samping itu, saya juga mendapati dua lagi pengarah-pengarah Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd iaitu Bengt - Olof Crister Sten dan Edna Concepcion telah pun meletakkan jawatan dan meninggalkan negara ini. Keterangan ini jelas kelihatan dalam kandungan (10) afidavit bantahan plaintif, eks. TR1, surat bertarikh 3 Januari 2006 daripada T/n K Mano & Associates, peguamcara yang memfailkan tindakan ini bagi pihak Basi Controls (M) Sdn Bhd, yang dialamatkan kepada peguamcara defendan.

[12] Muka surat kedua surat tersebut di atas menyebut seperti yang berikut:

> ... Since May 1994, the said Bengt Sten had left the country and has ceased to be actively involved in the operation of the Company and hence the Company is currently managed and operated by the Malaysian Directors.
>
> We are further instructed that both directors Bengt Sten and his wife Edna have given notice of their intention to resign as director and to this end they have both executed their letters of resignation, ...

[13] Memandangkan fakta bahawa salah seorang pengarah telah pun dijatuhkan bankrap dan dua pengarah yang lain telah pun meletakkan jawatan sebagai pengarah-pengarah Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd, dan tiada pula keterangan yang adanya pengarah-pengarah lain yang dilantik, maka amatlah nyata hanya

tinggal seorang sahaja pengarah iaitu Thavaratnaraja T Subramaniam di dalam Syarikat Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd; syarikat plaintif.

[14] Fakta tentang jumlah pengarah yang ada di dalam syarikat Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd amat penting untuk menentukan sama ada T/n K Mano & Associates mempunyai autoriti untuk bertindak bagi pihak syarikat plaintif itu. Jika diteliti lagi peruntukan Akta Syarikat 1965, s. 122(1) nya jelas memperuntukkan bahawa "every company shall have at least two directors who each has his principal or only place of residence within Malaysia". Berdasarkan kepada peruntukan s. 122(1) ini, adalah jelas bahawa sebenarnya tiada kuorum di dalam Syarikat Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd sejak awal lagi, iaitu sebelum tindakan ini difailkan pada 26 Disember 2007 dan juga dalam memberikan autoriti kepada Tetuan K Mano & Associates untuk memfailkan tindakan ini.

[15] Jika diteliti ms 59 kandungan (8), Carian SSM itu, jelas ditunjukkan bahawa Syarikat Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd adalah sebuah syarikat dorman sejak 1991 (tahun terakhir kewangan). Eksibit berkenaan juga menunjukkan yang Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd juga turut tidak mempunyai setiausaha syarikat yang biasanya menguruskan hal-ehwal sesebuah syarikat termasuk penyediaan resolusi-resolusi syarikat, khususnya resolusi perlantikan T/n K Mano & Associates dalam memfailkan tindakan ini. Ini amatlah bertentangan dengan peruntukan s. 139(1) Akta Syarikat 1965 yang memperuntukkan bahawa "every company shall have one or more secretaries each of whom shall be a natural person of full age who has his principal or only place of residence in Malaysia".

[16] Daripada fakta-fakta dan peruntukan undang-undang di atas, saya berpendapat bahawa syarikat plaintif, Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd sudah tidak tertubuh dengan betul sejak sekian lama dan ini adalah dalam pengetahuan peguamnya Tetuan K Mano & Associates. Jika syarikat itu sudah tidak tertubuh dengan sempurna, bagaimanakah ia boleh memberikan autoriti kepada peguamnya untuk bertindak?

[17] Di dalam kes *William Jacks & Co (M) Sdn Bhd v. Chemquip (M) Sdn Bhd & Anor* [1991] 1 CLJ 184; [1991] 4 CLJ (Rep) 218 mahkamah telah memutuskan bahawa:

> In my view the correct proposition is that the method of raising the question of want of authority is usually by a substantive application to stay proceedings. That is not the only permitted manner. The Court may in its inherent jurisdiction entertain the challenge made orally at any stage of the proceedings and may refuse to proceed further with the proceedings if the Court can come to a conclusion on sufficient or

admitted evidence that there is no action properly before it. A

In this case the challenge had been made. The burden of proving that the suit had been instituted with proper authority therefore rests on the plaintiff company (see *United Investment & Finance Ltd, v. Tee Chin Yong & Ors* [1967] 1 MLJ 31) Counsel for the plaintiff did not produce any evidence to show that there was proper authority. I find B there is sufficient evidence before me to conclude that there was lack of authority to institute the proceedings. I therefore find the action irregular and should be struck out.

[18] Sentimen yang sama telahpun diikuti di dalam kes *Yukilon Manufacturing Sdn Bhd & Anor v. Dato' Wong Gek Meng & Ors* C [1997] 2 CLJ 467 di mana telah diputuskan antara lain bahawa:

The lack of authority of the solicitors to act can be challenged at any stage of the proceedings. Once the challenge has been advanced, like the present case, the burden of proving that the suit has been instituted with proper authority must rest on the plaintiffs D

[19] Pihak plaintif telah cuba menunjukkan satu resolusi pengarah yang bertarikh 20 Disember 2007 di dalam kandungan (24) eks. TVR1 bahawa persaraan tiga orang pengarah, Bengt - Olof Crister Sten, Edna Concepcion atas alasan sudah tidak berada di E Malaysia selama lebih 15 tahun dan Ravindranathan a/l T Subramaniam telah diterima dan diluluskan serta pelantikan T/n K Mano & Associates sebagai peguam syarikat dan juga pelantikan Sahadevan a/l Munusamy sebagai setiausaha syarikat. Namun soalnya, siapakah yang menerima dan memutuskan ini bagi F pihak lembaga pengarah? Pada pandangan saya lembaga pengarah syarikat plaintif pada ketika itu telah tidak tertubuh dengan sempurna. Malahan setiausaha pun tidak ada. Jadi di manalah autoriti lembaga pengarah untuk membuat keputusan?

[20] Jadi berdasarkan fakta-fakta yang ada di hadapan saya, saya G dengan jelasnya berpendapat bahawa sama ada plaintif mahu pun peguamnya T/n K Mano & Associates sendiri telah gagal untuk mengemukakan autoriti dalam memfailkan tindakan ini bagi pihak Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd memandangkan keadaan Syarikat Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd yang tidak teratur ketika itu. H Sebagai peguam beliau sepatutnya peka dengan situasi syarikat itu yang sudah tidak mematuhi peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Isu Permohonan Mengenepikan Perintah Mahkamah Yang Membatalkan I

Tindakan Ini

[21] Saya berpendapat pemfailan permohonan SDK oleh plaintif ini adalah tidak teratur. Di dalam kes *Chua Cheng Wan v. Chua Thiam Siew & Ors* [2000] 1 CLJ 433, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan:

> [1] The High Court has no inherent power or jurisdiction to reinstate an action that has been struck off, except by way of an appeal.
>
> [2] Even if the predicament of the plaintiff arose from a mistake of his counsel, it would not have been a reason for the exercise of the discretion to reinstate. A lawyer's mistake is not an excuse.

[22] Kes itu telah dirujuk dan diikuti oleh satu lagi keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes dalam *Multiview Enterprise Sdn Bhd v. Orientus Industry Sdn Bhd* [2005] 7 CLJ 17.

[23] Saya bersetuju dengan kedua-dua kes itu dan berpendapat bahawa plaintiff sepatutnya memfailkan rayuan memandangkan bahawa mahkamah telah membuat keputusan selepas selesai mendengar hujahan peguamcara defendan. Oleh itu mahkamah telah pun "*functus officio*". Sesungguhnya peguamcara plaintif telah pun diberi peluang oleh mahkamah untuk menjawab hujahan peguamcara defendan pada 9 Disember 2008 tetapi telah gagal untuk berbuat demikian. Walaupun kegagalan peguamcara plaintif bukanlah kesilapan plaintif, namun ia tidak boleh dijadikan alasan untuk membenarkan permohonan ini.

Isu Pemfailan Notis Pemberhentian

[24] Peguamcara plaintif telah memfailkan notis pemberhentian tanpa kebenaran mahkamah/peguamcara defendan dan tiada sebarang penerangan diberikan berkenaan fakta ini. Sudahlah begitu, beliau gagal pula untuk menghadirkan diri pada tarikh bicara pada 9 Disember 2008 tanpa sebarang alasan ketika itu.

[25] Saya ingin merujuk kepada kes *Paul Raj Samy Raj v. Annamalar Anthonysamy* [2003] 3 CLJ 166, yang mana RK Nathan J telah memutuskan seperti yang berikut:

> [1] The applicant had failed to give any reasonable explanation for withdrawing the action and this would suggest that it was not made *bona fide*, especially when the respondent was also in *dominus litis* as she was able to demonstrate that she had a response to the applicant's allegations. Having brought the respondent to court and wherein the proceedings had reached

its final stage, the applicant could not arbitrarily avoid the contest by seeking to discontinue the action without even giving the respondent the right to seek for costs pursuant to O. 21 r. 5(1) of the Rules of the High Court 1980. Once a matter is *pendente lite*, a plaintiff or an applicant must not be allowed to abuse the court process by disposing of the case as he thinks fit. (p 171 d-f)

[26] Seperti kes *Paul Raj* itu, saya juga berpendapat pihak plaintif tidak boleh memfailkan prosiding dan menariknya balik sesuka hatinya. Tindakan sedemikian hanyalah akan merupakan satu penyalahgunaan kepada proses Mahkamah.

Isu Kos

[27] Mahkamah telah memutuskan bahawa kos tindakan ini dibayar oleh T/n K Mano & Associates. Peguamcara defendan dalam hujahan telah merujuk kepada dua keputusan Mahkamah Tinggi yang akan saya perturunkan di bawah.

[28] Pertamanya, dalam kes *Mohd Yusof Awang & Anor v. Malayan Banking Bhd & Anor* [1995] 1 LNS 296 YA Zakaria J (ketika itu) telah mengikut prinsip yang diputuskan dalam kes *Yonjee v. Toynbee* [1909] 1 KB 215 dan menyatakan seperti yang berikut:

... The Court of Appeal allowed the plaintiff's appeal on the ground that the solicitors who had taken on themselves to act for the defendant in the action had thereby impliedly warranted that he had authority to do so, and therefore were liable personally to pay the plaintiff's costs of the action.

[29] Keduanya, dalam kes *Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v. Davasari Sdn Bhd* [1993] 2 CLJ 568 Mahkamah Tinggi telah memutuskan seperti yang berikut:

[1] The writ having been caused to be issued by the solicitors purporting to act as agents of the plaintiffs and it having been found that the plaintiffs had not in fact appointed the solicitors to cause the writ to issue or at all, the solicitors have to bear the consequences of their unauthorized dragging of the defendants to Court.

[2] The defendants are entitled to have an order against the solicitors in respect of the costs of the action.

[30] Saya bersetuju dengan peguamcara defendan dan sebagaimana yang

A disebut di awal tadi, percaya bahawa T/n K Mano & Associates telah sedia maklum akan kedudukan syarikat Basi Controls (Malaysia) Sdn Bhd yang tidak teratur dan tidak mempunyai kuorum pengarah sejak awal lagi. T/n K Mano & Associates sepatutnya peka bahawa dalam keadaan sedemikian, pihak syarikat plaintif sepatutnya tidak mempunyai
B keupayaan untuk memberikan autoriti kepada T/n K Mano & Associates untuk bertindak bagi pihak syarikat. Surat T/n K Mano itu sendiri seperti yang disebut dalam eksibit TR1 di atas sangat jelas sebagai salah satu buktinya. Selain itu beliau didapati telah memfailkan notis perberhentian tanpa kebenaran dan kemudian tidak hadir di tarikh
C bicara yang ditetapkan oleh mahkamah tanpa sebarang alasan ketika itu. Sijil sakit hanya disertakan pada kandungan (21) ini yang difailkan hanya pada 12 Januari 2009, selepas hampir satu bulan kemudian. Pada pandangan saya, perbuatan yang ditunjukkan oleh peguamcara plaintif ini adalah satu sikap yang paling tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati mahkamah. Ini tentunya
D bertentangan juga dengan Legal Profession (Practise and Etiquette) Rules 1978, k. 15 yang menghendaki seseorang peguambela dan peguamcara supaya "maintain a respectful attitude towards the court". Kini boleh pula bagi pihak plaintif, beliau membuat permohonan ini, tanpa segan silu dan rasa bersalah. Ini semua
E menunjukkan sikapnya yang amat tidak professional yang pada pandangan saya boleh menjatuhkan nama baik profesyen guaman yang disegani ramai ini. Oleh itu saya berpendapat perintah mahkamah tentang kos ini adalah tidak salah.

F **Kesimpulan**

Pemerhatian saya, dengan hormatnya, ialah peguamcara plaintif telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya yang sepatutnya. Oleh itu, berdasarkan alasan-alasan di atas SDK di kandungan (21) ini ditolak dengan kos.

G

H

I